

**Sultan Mizan Dan Sultanah Nur Zahirah Selamat Pulang Ke Terengganu
Bernama
12 Disember, 2011**

KUALA TERENGGANU, 12 Dis (Bernama) -- Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Nur Zahirah selamat tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) di sini pada kira-kira 2.02 minit petang Isnin.

Keberangkatan balik baginda berdua ke Terengganu adalah bersempena tamatnya tempoh perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Sebelum itu, baginda berdua yang diiringi Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said, dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, menaiki pesawat yang diiringi dua jet pejuang Sukhoi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Ketibaan baginda berdua disambut oleh anakanda Tengku Muhammad Ismail yang juga Pemangku Sultan Terengganu serta anggota kerabat diraja Terengganu yang lain.

Turut menyambut ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mazlan Ngah, ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat negeri.

Kira-kira 15,000 rakyat jelata daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk penjawat awam, warga institusi pengajian tinggi, dan golongan pelajar bertumpu ke jalan raya dari lapangan terbang hingga ke Istana Maziah sejauh kira-kira 16 kilometer bagi menyambut baginda berdua.

Sejurus tiba, Sultan Mizan memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada tiga orang pegawai dan 103 anggota 18 Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpangkalan di Kem Seberang Takir di sini.

Serentak itu, tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Baginda berdua tiba di Istana Maziah pukul 3.15 petang untuk majlis santapan petang yang dihadiri kira-kira 300 orang jemputan.

Selesai majlis santapan, pasangan diraja itu menerima mengadap Menteri Pengiring, Ahmad Shabery untuk balik semula ke Kuala Lumpur.

Baginda berdua kemudian berangkat balik ke Istana Nadirah, Batu Buruk, kira-kira pukul 5.10 petang.

Aturcara sambutan keberangkatan balik Sultan Mizan dan Tuanku Nur Zahirah berlangsung tiga hari iaitu hari ini, Rabu dan Jumaat ini.

Pada Rabu ini, Sultan Mizan dan Tuanku Nur Zahirah akan berangkat ke Istiadat Penghadapan di Istana Maziah kira-kira pukul 8.30 pagi yang dijangka dihadiri kira-kira 600 tetamu.

Manakala pada Jumaat, baginda Sultan Mizan akan berangkat mencemar duli merasmikan Masjid Sultan Ismail di Chendering (sebelum ini dikenali Masjid Diraja) kira-kira pukul 12

tengah hari.

Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 yang akan berkuatkuasa esok (13 Dis) untuk tempoh lima tahun.

Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V pula dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh yang sama.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633612>